



KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN NOVEMBER 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	29.11.2022	Kumpulan Wang Disatukan Meningkatkan	2
2.	30.11.2022	Tender Terbuka Untuk Projek Kerajaan	3
3.	30.11.2022	Tiada Lagi Kelulusan Perolehan Tanpa Tender	
4.	30.11.2022	Langkah Hentikan Salah Guna Kuasa, Kronisme	4

29 NOVEMBER 2022 | SELASA26| MUKA SURAT : 26

Kumpulan wang disatukan meningkat

Kota Kinabalu: Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Sabah mencatatkan peningkatan sebanyak RM484.8 juta atau 16.5 peratus kepada RM3.431 bilion pada 2021 berbanding RM2.947 bilion pada 2020.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Sabah 2021 yang dibentangkan pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah semalam, Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebih RM931.57 juta iaitu meningkat RM1.866 bilion atau 199.7 peratus berbanding defisit pada 2020 berjumlah RM934.63 juta.

“Kedudukan kewangan kerajaan negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 secara keseluruhannya adalah stabil,” menurut laporan tersebut.

LKAN memberitahu pada 2021, hasil yang dikutip kerajaan negeri berjumlah RM5.45 bilion iaitu meningkat sebanyak RM1.859 bilion atau 51.8 peratus berbanding kutipan hasil pada 2020 yang berjumlah RM3.591 bilion.

Laporan itu turut memaklumkan perbelanjaan meningkat mencatatkan peningkatan sebanyak RM57.44 juta atau 1.6 peratus kepada RM3.718 bilion pada 2021 berbanding RM3.661 bilion pada 2020.

“Pada 2021 sejumlah RM1.119 bilion perbelanjaan pembangunan diluluskan dan sejumlah RM879.92 juta sudah dibelanjakan.

“Sebanyak 812 jumlah projek dirancang tahun lalu dan 47 daripadanya siap dilaksanakan, 367 projek sedang dilaksanakan dan 398 projek belum dilaksanakan,” menurut laporan itu.

30 NOVEMBER 2022 | SABTU | MUKA SURAT : 1 & 2

Tender terbuka untuk projek kerajaan

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan sebarang kelulusan perolehan kerajaan tanpa tender tidak lagi dibenarkan bagi mengelakkan kebocoran, ketirisan dan rasuah terus berleluasa.

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Fahmy A Rosli
→ Nasional 2



Berita Harian
Pg 1,2

Tiada lagi kelulusan perolehan tanpa tender

Langkah tegas kerajaan baharu cegah ketirisan, rasuah pada semua peringkat

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Fahmy A Rosli dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan proses takekela kerajaan baharu pimpinannya tidak boleh lagi membenarkan sebarang kelulusan perolehan tanpa memersi tender.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Perpaduan pimpinannya tidak akan mengizinkan sebarang kebocoran, ketirisan dan rasuah daripada terus berleluasa. "Soal peraturan, perolehan, soal kelulusan tanpa tender ini semua tidak boleh lagi dengan mengizinkan kebocoran, ketirisan dan rasuah. Ini tidak boleh harus berlaku pada semua peringkat.

"Maka untuk peringkat awal ini, saya ingin mengesakan dan mengajak saudara (penjawat awam) untuk sama-sama dalam pasukan ini, mari kita bertekad untuk menyelamatkan negara kita," katanya berucap pada majlis perhimpunan bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM), di Daratan Perdana Putra, di sini, semalam.

ia adalah perhimpunan sulungnya bersama penjawat awam sejak mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Ke-10, Khamis lalu.

Berkongsi pengalaman sewaktu memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan suatu ketika dahulu, beliau bertegas mengemukakan arahan tidak membenarkan ahli keluarga atau rakan terdekatnya mendapat kepentingan dalam projek berkaitan kerajaan.

"Rakan-rakan pernah tahu masa saya Menteri Kewangan, arahan saya yang pertama ialah melarang sama sekali keluarga atau orang terdekat untuk diberikan kepentingan dalam apa-apa kelulusan projek kerajaan," katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, setiap penjawat

awam perlu bersedia untuk menghadapi masa depan, termasuk melihat apa yang boleh dan tidak boleh lagi dilakukan.

Beliau berkata, perubahan berkenaan seharusnya berlaku di setiap peringkat dalam perkhidmatan awam.

"Hidup rakyat secara umumnya walaupun tidaklah separah beberapa negara lain, tetapi dalam keadaan yang agak sukar, sebab itu pada peringkat awal, beberapa hari ini saya tidak peduli fitnah, saya harap kita tumpu soal kerja.

"Saya tidak berminat korek kisah lama. Yang penting ialah ke depan, apa yang boleh dan patut kita lakukan dalam mempersiapkan diri menghadapi masa depan," katanya.

Ajak bangun negara

Sehubungan itu, Anwar mengajak 1.6 juta penjawat awam supaya bangkit semula melakukan perubahan dalam usaha memajukan dan membangunkan negara.

Perdana Menteri berkata, tidak seperti sebelum ini, ekonomi negara berada dalam keadaan kemerosotan dan ketidakstabilan yang dikatakan ada kaitan dengan kelemahan pimpinan keraja-

an terdahulu.

"Saya harap ini satu permulaan baharu, negara ini memerlukan perubahan untuk ke tahap yang pernah kita capai dulu malangnya merosot balik ekonominya, baik kestabilannya ataupun disiplinnya.

"Tentunya Tan Sri Peguam Negara (Idrus Harun) tahu mengenai pelanggaran hukum termasuk isu penyelewengan dan rasuah yang kadang-kadang juga ada kaitannya kerana kelemahan pimpinan serta kaitannya dengan peringkat penjawat awam.

"Jadi, saya ambil kesempatan ini untuk mengajak saudara dan saya merayu supaya bersama dalam minat, semangat untuk membawa islah atau perubahan ke arah kebaikan," katanya.

Majlis perjumpaan semalam turut dihadiri Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Perdana Menteri juga mengajak penjawat awam untuk bertanggungjawab dalam usaha membawa perubahan ke arah kebaikan serta memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Beliau berkata, sebarang usaha ke arah kebaikan yang ingin dibawanya tidak mungkin berjaya jika tunjang dan pimpinan ter-

tinggi perkhidmatan awam tidak sepenuhnya bersama beliau dalam pentadbirannya.

Perkhidmatan awam juga, katanya seharusnya bebas, bersikap profesional serta terikat kepada semangat ikrar perkhidmatan untuk menjadi manusia yang berguna kepada keluarga dan masyarakat.

"Saya manfaatkan waktu ini untuk menyeru dan merayu kerana saya tahu kelemahan pimpinan ini kadang-kadang dia terlalu yakin. Ia merasakan hanya berjaya dengan arahan tetapi tidak menjadikan contoh yang baik.

"Jadi kita harus bersama-sama bertekad untuk berbuat sesuatu," katanya dengan memberi jaminan akan menasihati rakan dalam Kabinet yang dipilih nanti untuk menghormati pengalaman dan pandangan daripada penjawat awam.

Perdana Menteri juga berharap semua kepimpinan tertinggi dalam perkhidmatan awam dapat memahami bahawa keadaan tidak lagi sama seperti sebelum ini, sebaliknya ia perlu berubah dan hendaklah bermula daripada penimpinan dalam Kementerian dan jabatan kerajaan itu sendiri.



Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menerima menghadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Istana Negara, semalam. Sesi menghadap Anwar bermula jam 5 petang itu adalah yang pertama selepas beliau menerima surat cara pelantikan dan mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia Perdana Menteri Ke-10 pada 24 November lalu. (Foto Ihsan Pili Istana Negara)

30 NOVEMBER 2022 | RABU | MUKA SURAT : 2

Langkah hentikan salah guna kuasa, kronisme

Kuala Lumpur: Tatakelola kerajaan baharu yang tidak lagi membenarkan sebarang kelulusan perolehan tanpa melalui proses tender mampu menghentikan salah laku serta amalan kronisme.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata pengurniaan tender secara runding terus mempunyai kelemahan kerana ia mendedahkan kepada isu salah guna kuasa dan rasuah.

"Bagaimanapun, tender secara runding terus ini dibenarkan dalam Perbendaharaan, tetapi hanya untuk tender tertentu dan pemberiannya perlu diperhalusi dan dipertimbangkan dengan teliti," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau mengulas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa kerajaan pimpinannya tidak lagi mengizinkan sebarang kelulusan perolehan tanpa melalui tender.

Menyambut baik langkah itu, Azam berkata, perkara itu wajar diberi perhatian oleh semua pihak.

"Dalam peraturan arahan Perbendaharaan sememangnya sudah menyediakan proses yang perlu dipatuhi oleh semua pihak.

"SPRM sebagai agensi pencegahan rasuah serta Kementerian



Azam Baki

Kewangan (MOF) turut melancarkan *integrity pack* (saringan integriti) dan surat akuan menolak elemen rasuah) yang memerlukan pemohon tender membuat ikrar tidak terbahit rasuah untuk mendapatkan tender kerajaan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Jawatankuasa Pemikir Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Noor Mohamad Shakil Hameed, berkata pengumuman Perdana Menteri semalam dinanti-nantikan kerana tender secara rundingan menjadi antara punca jenayah rasuah yang sukar ditangani.

Realisasi hasrat PM

Bagaimanapun beliau berkata, perkara itu harus dihayati semua pihak dan bukan retorik semata-mata, khususnya apabila lantikan Kabinet dilakukan.

"Seperti kita ketahui, pemberian tender dilakukan pada peringkat Kementerian dan semua pihak, termasuk menteri Kabinet perlu memastikan hasrat Perdana Menteri ini direalisasikan sepenuhnya agar tiada campur tangan politik yang akhirnya memberi kesan kepada penjawat awam itu sendiri.

"Kabinet yang dilantik perlu berusaha tidak mengganggu urusan pentadbiran penjawat awam yang akan melaksanakan kerja dan tindakan mengikut peraturan dan arahan yang ditetapkan," katanya.

Pengasas dan Pengarah Eksekutif Pusat Membanteras Rasuah dan Kronisme (C4), Cynthia Gabriel pula berkata, pengumuman Anwar itu dilihat salah satu usaha untuk melindungi wang rakyat.

Katanya, C4 terkejut kerana masih ada perolehan tender dilakukan secara runding terus kerana ia membuka kepada salah guna kuasa dan rasuah yang besar.

"Kami menyokong setiap langkah ketelusan dan akauntabiliti walaupun proses yang dilakukan itu melambatkan tetapi ia penting untuk melindungi wang rakyat khususnya apabila ia mudah untuk diseleweng," katanya.